

Perhimpunan haram musnah masa depan mahasiswa

KUANTAN – Golongan mahasiswa dinasihat supaya tidak mudah terpengaruh dengan kegiatan luar kerana mereka perlu bijak membahagikan masa dengan menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, mengenai tindakan jika mahasiswa terbabit dengan himpunan jalanan yang dikategorikan perhimpunan haram, maka mereka yang terlibat juga adalah secara haram.

"Sekarang ini musim peperiksaan. Saya yakin mereka bijak menentukan apa yang terbaik untuk masa depan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan media mengenai penglibatan maha-



KHALED

Singar
(Rohayy়ে) 11/1/13

siswa dalam perhimpunan haram selepas menyampaikan bantuan banjir kepada penduduk Kampung Galing Besar, di sini, semalam.

Dalam pada itu, menurut Mohamed Khaled, warga institusi pengajian tinggi wajar aktif menyertai program khidmat masyarakat.

"Kita muahu program khidmat masyarakat yang dijalankan bukan lagi semata-mata untuk mengisi masa lapang atau memilih kegiatan luar tetapi dijadikan sebagai satu bentuk pengajaran dan pembelajaran.

"Ia memberi pengalaman dan menanam nilai serta tanggungjawab sebagai sumbangan kepada masyarakat," katanya.